

# UMS cemerlang dalam pameran penyelidikan di IENA 2012, Jerman

NST 08/11/2012 G

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) meneruskan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan melalui pencapaian membanggakan pada International Trade Fair Ideas Inventions New Product (IENA) 2012 yang berlangsung di Nuremberg, Jerman pada 1-4 November 2012.

Menurut Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, penyertaan kali kedua dalam pertandingan tersebut membuktikan hasil penyelidikan para penyelidik UMS mampu menarik mata dunia dan bertaraf antarabangsa.

Katanya, semua penyelidik UMS yang menyertai pertandingan tersebut meraih pingat yang dipertandingkan.

"Daripada tujuh produk penyelidikan yang dipertandingkan, UMS berjaya mendapat 3 pingat emas, 3 pingat perak dan 1 pingat gangsa. Ini merupakan satu pencapaian luar biasa kerana kita bersaing dengan ramai penyelidik dari universiti-universiti terkemuka antarabangsa," ujarnya yang turut serta menyaksikan penyampaian hadiah kemenangan di Nuremberg Exhibition Center.

Pingat emas UMS disumbangkan oleh Prof. Madya Dr. Suhaimi Mohd Yasir melalui inovasi beliau yang bertajuk 'Green house concept of solar drier for seaweed drying'. Dua lagi pingat emas diperoleh melalui Dr. Patricia Matanjun dan

Prof. Madya Dr. Charles Vairappan melalui produk dan inovasi masing-masing yang bertajuk 'NaTea- herbal tea mixture of Sabah green seaweed pennywort and mint' dan 'Degradable biopolymer from marine sponge bacteria'.

Dr. Patricia turut menyumbang satu lagi pingat perak melalui penyelidikan 'Noval algae derived anti-inflammation drug' manakala pingat perak selebihnya diperoleh melalui penyelidikan yang dihasilkan oleh Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof. Dr. Felix Tongkul berkata, sebahagian besar produk para penyelidik ini sedang dalam proses pengkomersilan.

"Ini secara langsung akan menyumbang kepada pendapatan universiti dan para penyelidik serta kepada masyarakat setempat. Pihak universiti akan memberi penghargaan kepada para penyelidik yang cemerlang ini dalam Anugerah Penyelidikan UMS," katanya lagi.

Kejayaan memberangsangkan itu turut dikongsi oleh Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj. Mohd Said dan Timbalan Pendaftar Kanan, Mohd Raffie Hj. Janau yang turut bersama rombongan UMS pada IENA 2012.



**BERSAMA KONTINJEN ...** Dr. Mohd Harun Abdullah bersama dengan Kontinjen UMS dalam IENA 2012.



**KEJAYAAN ...** Kejayaan manis Prof. Madya Dr. Suhaimi Mohd Yasir, Dr. Patricia Matanjun, Prof. Madya Dr. Charles Vairappan dan Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee bersama Prof. Dr. Felix Tongkul, Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, Datuk Abdullah Hj. Mohd Said dan Prof. Dr. Felix Tongkul.